



Oleh Rosli Mohd Nordin
Foto oleh Mono Ridz



Seni bina purba di Persepolis yang terletak kira-kira 70 kilometer di timur laut Shiraz masih boleh dilihat sehingga hari ini.



Keunikan susunan marmar yang didominasi oleh warna biru yang melatari pintu utama Mashjid Shah turut dikenali sebagai Masjid Imam.



Pemandangan Menara Azadi yang mempunyai ketinggian 45 meter pada waktu pagi pasti menggamit kehadiran pelancong.

Iran merupakan negara yang perlu dikunjungi dan berpotensi sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik untuk diterokai. Iran juga mempunyai tamadun yang tertua di dunia yang berusia 6000 tahun. Negara yang bergelar Arya dalam bahasa Parsi ini mempunyai sejarah yang panjang dalam kesenian, muzik, puisi, falsafah dan ideologi. Banyak tinggalan dan sejarah empayar Parsi masih dapat dilihat menerusi seni bina, ukiran, ketukangan dan pembuatan permaidani yang unik. Negara ini juga mempunyai penduduk yang sangat ramah, mempunyai pantai yang cantik, kota yang bersejarah dan padang pasir yang luas mata memandangi.


KEMBARA

Hari Pertama: Ketibaan di Teheran – Kerman – Shahdad

Kami menaiki penerbangan Mahan Air dari Kuala Lumpur ke Teheran hampir lapan jam lamanya. Di Lapangan Terbang Antarabangsa Imam Khomeini, kami disambut oleh Pengurus Pelancongan di Iran, Reza Sadeghi dan pemandu pelancong yang ramah, Mostafa Behi atau lebih mesra dipanggil Mossi.


Destinasi pertama kami ialah Nature Bridge atau lebih dikenali sebagai Tabi'at Bridge. Jambatan sepanjang 270 meter ini direka oleh seorang wanita, Leila Araghian, yang menghubungkan dua taman, iaitu Taman Taleghani dan Taman Abo-Atash. Jambatan moden ini merentasi lebuhraya utama dan kini menjadi satu mercu tanda ibu negara Iran.

Selepas itu, kami ke Azadi Square atau dikenali sebagai Shahyad Square, iaitu sebuah taman hijau seluas mata memandangi yang bercirikan taman



Kraftangan seperti permaidani buatan tangan daripada bulu kambing merupakan satu lagi identiti unik negara Iran.

Di Kerman, anda boleh menerokai tinggalan terowong bawah tanah yang pernah digunakan oleh masyarakat Kampung Shafi Abad pada suatu ketika dahulu.



parsi tradisional. Terdapat air pancut, formasi bunga-bunga dan pelbagai seni taman yang dijaga rapi. Di tengah dataran taman ini, berdirinya Menara Azadi setinggi 50 meter yang mempunyai gabungan seni bina Islam dan Sassanid. Menara ini juga memperingati pembentukan Empayar Parsi dan merupakan gabungan menarik daripada budaya moden dan kuno. Sudah pasti, menara ini menjadi mercu tanda wajib kepada pelancong untuk merakam detik indah.

Belum habis penat menaiki pesawat selama hampir lapan jam, kami perlu “terbang” ke Kerman pada pukul 8.00 malam. Dari Teheran ke Kerman, jaraknya sejauh 985.8 kilometer (km). Oleh itu, kami menaiki kapal terbang Mahan Air yang mengambil masa selama sejam 40 minit.

Setibanya di Kerman, kami menaiki kenderaan pacuan empat roda ke Shahdad Lut Desert Camp yang sejauh 95 km. Shahdad mempunyai padang pasir yang beriklim agak panas. Bandar ini terletak di pinggir padang pasir Lut, yang merupakan antara tempat terpanas di dunia. Setibanya di Shahdad Lut Desert Camp, kami bermalam di khemah moden yang mempunyai ciri seperti hotel lima bintang. Antara aktiviti yang boleh dilakukan di padang pasir ini termasuklah menaiki unta, menaiki ATV merentasi gurun, melihat kawasan safari ataupun melihat bintang di langit yang luas terbentang pada lewat malam.

DI
BUMI

PARSI

Hari Kedua: Taman Shazdeh

Kami ke Shazdeh Mahan Garden, iaitu sebuah oasis hijau yang terletak di tengah-tengah padang pasir. Terletak di Mahan di daerah Kerman, Taman Shazdeh ini dibina semasa Dinasti Qajar pada akhir tahun 1900-an. Taman ini termasuk dalam Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Melangkah masuk ke Taman Shazdeh seperti berada di syurga dunia walaupun terletak di padang pasir yang kering. Pengunjung dapat

makam Shah Nematollah Vali, penyair Iran yang terkenal. Shah Nematollah Vali meninggal dunia pada tahun 1431 ketika berumur 100 tahun.


Pada sebelah malam, kami ke Fath Abad Garden, iaitu sebuah rumah agam yang mempunyai pengaruh seni bina Parsi-Eropah. Masa terbaik untuk melawat tempat adalah ketika malam hari kerana pencahayaan lampu dan kolamnya yang sangat cantik untuk ditonton. Bilik yang paling indah ialah bilik lukisan dan terdapat tulisan kaligrafi seperti petikan ayat Al-Quran di pintu masuk bangunan.

Kami juga melawat Masjid Vakil, yang menjadi tarikan pelancong. Ukiran seni bina di dinding masjid sangat teliti dan mempunyai seni bina Islam ketika zaman pemerintahan Karim Khan Zand. Masjid yang dibina pada tahun 1773 ini mempunyai banyak tiang yang unik.

Kami juga berkesempatan mengunjungi Masjid Nasir al-Mulk atau dikenali sebagai Masjid Merah Jambu atau Masjid Pink, kerana banyak menggunakan jubin berwarna merah jambu sebagai reka bentuk



Buah Delima sangat sinonim dengan negara Iran kerana kesuburan tanah dan cuacanya menghasilkan buah yang enak dan manis.



Penginapan di Lut Desert Camp di Kerman.



Masjid Nasir Ol Molk atau Pink Mosque yang direka oleh arkitek yang bernama Mohammad Hassan dan Mohammad Reza Kashi mula dibina pada tahun 1876 dan siap sepenuhnya pada tahun 1888.

melihat rumah agam Shahshin, struktur tangga dan kolam yang dibina bertingkat dengan air pancut, tembok terracotta yang mengelilingi kawasan taman dan bilik mandi. Pelan, struktur, seni bina astaka, reka bentuk dan hiasan dalamannya mencerminkan seni, budaya dan gaya hidup masyarakat Iran.

Kami juga mengunjungi Kompleks Ganjali Khan, yang terletak di bandar lama Kerman. Kompleks ini terdiri daripada sekolah, masjid, bazar, muzium dan rumah mandi yang dipanggil "hammam". Kompleks ini satu daripada monumen sejarah yang paling indah (era Safavid). Ada juga muzium yang memaparkan duit syiling dari pelbagai zaman seperti Parthian, Sassanid, Safavid dan Afsharid. Kami juga melawat kompleks bersejarah yang terletakinya

Hari Ketiga: Taman Eram, Shiraz

Kami mengambil penerbangan ke Shiraz pada pukul enam pagi yang mengambil masa selama satu jam. Di Shiraz, kami ke Taman Eram (Bagh-e Eram) di sepanjang pantai utara Sungai Khoshk, antara taman Parsi yang paling terkenal dan indah di Iran. Dengan pokok bunga yang indah, udara yang menyegarkan, termasuklah sebuah pokok yang berusia 3000 tahun, Taman Eram menjadi destinasi pelancongan utama terutama ketika musim bunga. Taman Eram terbuka kepada orang ramai sebagai taman landskap bersejarah dan menjadi satu daripada Tapak Warisan Dunia dan dilindungi oleh Organisasi Warisan Budaya Iran.

dalamannya. Yang menariknya, tingkap kaca dan dinding jubin geometri itu berwarna-warni. Lebih menarik apabila cahaya matahari yang memancar memantulkan cahaya yang berwarna ke lantai masjid.

Masjid Shah-e-Cheragh juga mempunyai tarikan tersendiri kerana dipenuhi dengan potongan kaca yang berkilauan. Dinding marmar yang berwarna hijau, lampu gantung megah berkilauan dan sebuah pintu yang berlapis emas membuat masjid ini terlihat begitu mewah. Golongan wanita diwajibkan memakai chador, iaitu sehelai kain besar yang membalut kepala dan keseluruhan badan si pemakai untuk memasuki masjid ini. Kod pakaian Iran bagi lelaki diwajibkan memakai seluar panjang dan menutup aurat.

Hari Keempat: Persepolis, Necropolis dan Pasargad

Selesai mendaftar keluar di Parsian Hotel, Shiraz, kami melawat Persepolis yang terletak 60 km dari timur laut bandar Shiraz, yang berdekatan lapangan terbang antarabangnya dan turut menjadikannya mudah untuk dikunjungi.


Persepolis ialah tapak warisan yang berusia 2500 tahun, dianggap sebagai ibu kota Empayar Parsi dan tapak arkeologi yang terkenal di dunia. Runtuhan batu tinggal di kota

Cyrus The Great, yang dibina sekitar 559 Sebelum Masihi hingga 530 Sebelum Masihi, yang juga lokasinya disemadikan.

Empayar Achaemenid, khususnya semasa pemerintahan Cyrus the Great dan Darius the Great, antara serpihan sejarah Persia yang menjadi kebanggaan orang Iran. Empayar ini menjadi identiti Iran yang menyatukan seluruh warga Iran, tanpa mengira perbezaan dalam kepercayaan dan latar belakang agama.

bermaksud “bunga”. “Istana Bunga” ialah karya sebenar zaman Qajar, antara tempat yang paling tua daripada semua monumen bersejarah dan disenaraikan sebagai tapak warisan dunia UNESCO.

Kami turut mengambil peluang membeli cenderahati di bazar tertua di Iran, Grand Bazaar. Bazar ini tempat terbaik untuk membeli pelbagai jenis barang. Terdapat juga restoran terkenal dengan hidangan Iran yang lazat. Teheran Grand Bazaar mempunyai seni bina yang



Refleksi daripada cermin berwarna warni di Masjid Merah Jambu menjadi satu kebanggaan masyarakat Iran kerana keunikannya yang tiada dimana-mana masjid seluruh dunia.



Jika mengunjungi Iran, kunjungan ke Grand Bazaar di Esfahan merupakan satu kemestian.

kuno itu menjadi tarikan pengunjung tempatan dan asing, terutamanya setelah diisytiharkan sebagai tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 1979.

Selepas 15 minit menaiki van dari Persepolis, kami sampai di Naqsh-Rustam, yang dikenali juga sebagai Necropolis. Di sini, terdapat makam Darius yang Agung, Xerxes I, Artaxerxes I dan Darius II. Empat makam tertinggi ini telah “dimusnahkan” oleh Alexander The Great. Bayaran masuk ke Persepolis dan Necropolis ialah 200 000 Rials (RM20.00). Anda dinasihatkan supaya membawa air kerana tempat ini terdedah kepada cahaya matahari yang panas. Kami juga melawat Pasargad, iaitu sebuah kota purba Persia di bawah Empayar Achaemenid di bawah

Setelah seharian berpanas, kami menaiki van ke Isfahan sejauh 440 km yang mengambil masa perjalanan hampir lima jam. Sepanjang perjalanan, kami menikmati keindahan gurun dan gunung-ganang yang seluas mata memandang.

Hari Kelima: Hari Terakhir

Hari terakhir di bumi Iran digunakan sebaik-baiknya. Awal-pagi lagi kami melawat Istana Golestan di Teheran hanya perlu berjalan kaki dari Imam Khomeini Square. Istana Golestan kelihatan mewah dan amat mengagumkan. Muzium istana Golestan terdiri daripada beberapa bangunan besar yang pernah dimiliki oleh keluarga Parsi. Kubu purba Teheran dikelilingi oleh taman, kolam dan tanaman yang dijaga baik. Golestan

unik. Pintu gerbangnya menarik dan sistem penghawa dingin tradisional telah menambah keindahannya. Ada juga beberapa tempat lama dan baharu untuk hiburan, kedai teh tradisional, bilik mandi awam, masjid dan muncul kawasan tertentu dikenali sebagai “Bazaarcheh” atau bazar kecil untuk setiap komoditi.

Sudah pasti kembara di bumi Parsi selama lima hari tidak mencukupi. Banyak lagi tempat menarik di Iran yang belum sempat diterokai. Sebelum ke Iran, anda digalakkan untuk mempelajari sedikit bahasa Parsi agar mudah berkomunikasi dengan mereka. Jangan berasa pelik jika orang Iran sering mengajak pelancong ke rumah mereka atau sekadar minum teh di kedai kerana mereka amat peramah dan suka menolong. ☺